

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

RPK 533 - Kaedah Dan Teknik Penyelidikan

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT Soalan. DUA Soalan daripada Bahagian A dan DUA Soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A

1. Apakah erti penyelidikan? Mengapakah penyelidikan itu penting bagi sesuatu projek pembangunan? Bagaimanakah sesuatu penyelidikan itu harus dilakukan?

(25 markah)

2. Terangkan dengan memberi contoh-contoh, apa yang dimaksudkan dengan perkara-perkara berikut:

- a) Penyelidikan Dasar
- b) Penyelidikan Gunaan
- c) Penyelidikan Makmal
- d) Penyelidikan Perpustakaan
- e) Penyelidikan Kajian Luar

(25 markah)

3. Langkah-langkah menjalankan penyelidikan memerlukan beberapa urutan. Senaraikan urutan-urutan tersebut. Mengapakah kita perlu mengetahui langkah-langkah menjalankan penyelidikan itu?

(25 markah)

4. a) Mengapakah pemilihan tajuk untuk penyelidikan itu penting? Berikan beberapa tajuk penyelidikan di-  
bidang Perancangan Bandar dan Wilayah.
- b) Apakah hipotesis yang sebenarnya? Sebutkan beberapa contoh hipotesis. Benarkah sesuatu penyelidikan itu tidak boleh dimulai sebelum hipotesis dibuat?

(25 markah)

Bahagian B

5. a) Terangkan ciri-ciri soalselidik (questionnaire) yang baik.
- b) Bincangkan peranan kajiselidik pra-ujian atau rintis dalam proses pengutipan data.
6. a) Apakah yang dimaksudkan dengan sampel dan populasi?
- b) Dengan memberi contoh, terangkan jenis-jenis persampelan berikut:
- i) Sampel Rawak Mudah
  - ii) Sampel Berstrata
  - iii) Sampel Sistemik
  - iv) Sampel Berkelompok dan Berperingkat

(25 markah)

(25 markah)

7. Berdasarkan kepada pengalaman anda atau contoh yang anda ketahui, terangkan bagaimanakah anda membuat persampelan untuk kajiselidik perancangan yang meliputi kawasan kajian yang agak luas. Terangkan juga masalah yang timbul semasa menjalani kajiselidik itu.

(25 markah)

8. a) Bezakan teknik statistik deskriptif daripada teknik statistik inferens.
- b) Terangkan bagaimanakah anda menganalisis data berkategori dengan menggunakan salah satu daripada teknik statistik yang terdapat dalam pakej SAS atau SPSSX.

(25 markah)

-ooo0ooo-

